



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 15 OGOS 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	RAJA PERLIS TERIMA MENGHADAP MENTERI PERTANIAN, UM -ONLINE MAFI BERI JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE MAFI GIVES ASSURANCE FOOD SUPPLY ADEQUATE DURING COVID-19 PANDEMIC, BERNAMA -ONLINE 25,000 SURPLUS AGRICULTURAL PRODUCTS GIVEN TO VULNERABLE GROUPS, NANYANG SIANG PAU -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	FAMA JERANTUT JANGKA HASILKAN 10 TAN PES DURIAN MUSIM INI, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	FISH FOOD BROUGHT IN WITHOUT PERMIT SEIZED, NEWS IN BRIEF, NST -12 RAMPAS MAKANAN IKAN TANPA PERMIT, LOKAL, HM -17	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	BUAT DUIT SELEPAS DITERTAWAKAN ORANG, NEGARA, KOSMO -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Raja Perlis terima mengadap Menteri Pertanian



TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL (kiri) berkenan berangkat menerima sembah mengadap Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee di Galeri Diraja Arau, Perlis hari ini.

ARAU: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail berkenan berangkat menerima sembah mengadap Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee di Galeri Diraja Arau di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Badrul Hisham Mohamad dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr. Mohammad Zabawi Abdul Ghani.

Dalam pertemuan tersebut, pelbagai perkembangan berkaitan bidang pertanian dan industri makanan Malaysia dibincangkan serta potensi dan peluang-peluang berkaitan pertanian yang ada khususnya di Perlis.

Industri pertanian dan makanan menjadi perkara yang perlu diberikan penekanan terutama sekali dalam situasi penularan pandemik Covid-19 ketika ini yang mungkin menjejaskan pendapatan serta sumber makanan rakyat selain memastikan bekalan makanan negara terpelihara. -UTUSAN ONLINE

15 AUG, 2021

## MAFI beri jaminan bekalan makanan negara mencukupi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# MAFI beri jaminan bekalan makanan negara mencukupi

ARAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan makanan untuk keperluan rakyat di negara ini mencukupi walaupun negara masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, Malaysia tidak menghadapi masalah kekurangan makanan kerana pengusaha dan pengeluar di negara ini masih berupaya membekalkan keperluan itu secara berterusan.

"Tiada masalah dari segi bekalan makanan kerana pihak pengusaha masih mampu menawarkan keperluan yang secukupnya untuk rakyat," katanya kepada pemberita ketika melakukan lawatan kerja ke Pusat Kajian dan Penghasilan Benih serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijirin Green World Genetics



**KUALITI TERJAMIN:** Antara biji benih yang dikeluarkan di Pusat Kajian Dan Penghasilan Benih Serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijirin GWG Wilayah Utara di Arau, kelmarin. — *Cambur Bernama*

(GWG) Wilayah Utara dekat sini, kelmarin.


Beliau berkata selain agensi berkaitan MAFI, pihak swasta juga terus memberikan sokongan dan kerjasama bagi memastikan industri makanan negara berjalan

lancar.

"Kita tahu bahawa negara mampu mengeluarkan hasil ke tahap sara diri yang mencukupi untuk mengurangkan ketergantungan import bahan makanan dari luar negara," katanya. — *Bernama*



**TINJAU TEMPAT:** Dr Ronald Klandee diberi taklimat oleh Eksekutif Pengeluaran GWG Sdn Bhd, Shazlyn Hazwani Shamsul Qamar (kanan) ketika meninjau Pusat Kajian Dan Penghasilan Benih Serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijirin GWG Wilayah Utara di Arau, kelmarin. — *Cambur Bernama*



**PUSAT PEMROSESAN:** Pusat Kajian Dan Penghasilan Benih Serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijirin GWG Wilayah Utara di Arau. — *Cambur Bernama*



15 AUG, 2021

## MAFI beri jaminan bekalan makanan negara mencukupi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

ARAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan makanan untuk keperluan rakyat di negara ini mencukupi walaupun negara masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. Menteri Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Malaysia tidak menghadapi masalah kekurangan makanan kerana pengusaha dan pengeluar di negara ini masih berupaya membekalkan keperluan itu secara berterusan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI gives assurance food supply adequate during COVID-19 pandemic



ARAU, Aug 13 – The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) gives its assurance that the supply of food for the people in this country is adequate despite the nation being beleaguered by the COVID-19 pandemic.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said Malaysia is not facing a food shortage problem because operators and producers were still able to supply the needs on an ongoing basis.

“There is no problem in terms of food supply because the operators are still able to sufficiently cater to the needs of the people,” he told reporters after a working visit at Green World Genetics (GWG) Sdn Bhd, a seed research and production centre and corn processing centre near here, today.

He said, other than MAFI-linked agencies, the private sector also continued to support and provide co-operation to ensure the national food industry proceeded smoothly.

“We are aware that the country must be able to produce up to the self-sufficient level to reduce the dependence on food items from abroad,” he added.

-- BERNAMA





15 AUG, 2021

## 25,000 surplus agricultural products given to vulnerable groups

Nanyang Siang Pau, Malaysia

### 农业销售局关怀计划 2.5万过剩农产品颁弱勢群

【檳城 14 日讯】过剩本地蔬果吃不完，大马联邦农业销售局通过“农业及食品工业部关怀计划”颁发 1.5 公吨市价 2 万 5000 令吉的蔬菜、水果与加工食品予檳州弱勢群体。

农业与食品业部第一副部长拿督斯里阿末韩沙指出，该部通过大马联邦农业销售局分派过剩农产品予弱勢群体，是次活动受惠者有 500 人，分别来自檳州男童孤儿院、檳州单亲妈妈协会、檳州德士及出租车公会、檳州三轮车公会、B40 群体以及前线人员等。

他说，在 1.5 公吨的蔬果与加工食品中，檳州农业部也捐赠了蔬菜，而当地企业家则捐赠了加工食品。

#### 助农民提高销售额

上述计划是个一石二鸟的计划，除了协助农民解决过剩的蔬果外，也可协助农民提高销售额，以便减轻受冠病疫情影响而过剩农产品的问题。

“农业与食品工业部关怀计划”是个全国性计划，截至 8 月 8 日为止，已有来自全国 400 个地区共 7 万 1491 人受惠，也有



阿末韩沙（左）颁发农产品予檳州三轮车公会代表

10 家机构参与其中。”

他同六莅临檳州男童孤儿

院颁发农产品予受惠团体时，如是表示。



15 AUG, 2021

## 25,000 surplus agricultural products given to vulnerable groups

Nanyang Siang Pau, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

阿末韩沙 (左) 颁发农产品予槟州三轮车公会代表。10家机构参与其中。”院颁发农产品予受惠团体时他周六莅临槟州男童孤儿如是表示。农业销售局关怀计划2.5万过剩农产品颁弱势群(槟城14日讯) 过剩本地蔬果吃不完, 大马联邦农业销售局通过“农业及食品工业部关怀计划”颁发1.5公吨市价2万5000令吉的蔬菜、水果与加工食品予槟州弱势群体。农业与食品业部第一副部长拿督斯里阿末

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## FAMA Jerantut jangka hasilkan 10 tan pes durian musim ini

NORAWAZNI YUSOF || 14 Ogos 2021.



Pusat Pemrosesan FAMA Jerantut dijangka menghasilkan 10 tan pes pada musim durian kali ini. -Foto: Ihsan FAMA

KUANTAN - Sebanyak 10 tan pes durian dijangka dapat dihasilkan oleh Pusat Pemrosesan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Jerantut pada musim durian kali ini.

Pengarah FAMA Pahang, Noh Nik Wan berkata, setakat ini, hanya Pusat Pemrosesan FAMA Jerantut menjadi pengeluar utama bagi penghasilan pes durian.

"Setiap hari sekurang-kurangnya lima tan durian jenis kampung diproses bagi menghasilkan 500 hingga 600 kilogram pes, pengeluaran banyak bergantung kepada penerimaan buah daripada pekebun di daerah ini.



"Kita juga menjangkakan 10 tan pes akan diperoleh memandangkan pengeluaran durian jenis kampung yang bertambah pada musim kali ini dan membolehkan aktiviti menghasilkan produk hiliran seperti tempoyak dan pes dilakukan dalam jumlah yang banyak.

"Kualiti pes keluaran Pusat

Pemprosesan FAMA Jerantut begitu terkenal apabila mendapat permintaan menggalakkan daripada pelbagai pihak termasuk pengusaha produk berasaskan makanan seperti aiskrim, kek dan biskut," katanya ketika dihubungi pada Sabtu.

Noh menjelaskan, pihaknya menerima lebih lapan tan durian jenis kampung dan klon pada setiap hari di mana tiga tan untuk pasaran segar dan selebihnya untuk menghasilkan pes dan tempoyak.

Tambahnya, peningkatan aktiviti penjualan durian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pekebun terpaksa menjual kepada FAMA untuk mengelak kerugian.

Katanya, disebabkan itu, Pusat Pemprosesan FAMA Jerantut menerima banyak durian apabila pemborong serta pembeli luar tidak boleh datang ke daerah ini.

"Kalau kita lihat, musim ini pengeluar durian lebih banyak berbanding sebelumnya. Daerah Jerantut sememangnya terkenal dengan durian kampung dan ia melibatkan beberapa kawasan termasuk Kampung Damak," katanya.

Sehubungan itu, Noh berkata, pihaknya sudah membuka Pusat Operasi FAMA Lanchang, Temerloh bagi menghasilkan pes dan tempoyak.

Bagaimanapun menurutnya, ia masih di peringkat percubaan dan sekiranya pusat ini berjaya, ia akan terus beroperasi pada masa akan datang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2021	NST	NEWS IN BRIEF	12

## Fish food brought in without permit seized

**PORT KLANG:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 8,938kg of fish food from China in West Port here on Friday. Selangor Maqis said a container with a consignment of fish food was seized during an inspection. "The inspection carried out by enforcement officers found that the processed fish feed did not have an import permit issued by Maqis. Investigations found that the fish food that arrived in the country on July 31 was brought in for the local market by a local company and for its own use. The product weighing 8,938kg and estimated to be worth RM98,466.73 was seized." Selangor Maqis said the case was being investigated under Section 11 (1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011.

15/8/2021

HARIAN  
METRO

LOKAL

17

## Rampas makanan ikan tanpa permit

**Pelabuhan Klang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebanyak 8,938 kilogram (kg) makanan ikan dari China di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat di sini, Kluang lalu.

Maqis Selangor dalam satu kenyataan berkata, kontena yang membawa makanan ikan itu ditahan dalam pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa Maqis Selangor, kira-kira jam 5 petang.

**8,938kg**  
Jumlah berat makanan ikan dari China yang dirampas Maqis

"Pemeriksaan mendapati makanan ikan yang diproses itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

"Siasatan mendapati, makanan ikan yang tiba di negara ini sejak 31 Julai lalu itu dibawa masuk untuk kegu-

naan sendiri dan pasaran tempatan oleh sebuah syarikat tempatan.

"Kesemua barang dagangan seberat 8,938kg itu dianggarkan bernilai RM98,466.73 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Maqis berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-dua-

nya sekali.  
"Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperibaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.

"Ini bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya.



SERAHAGIAN makanan ikan dari China dirampas Maqis Selangor.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/8/2021	KOSMO	NEGARA	14

Kebun anggur kini jana pendapatan

# Buat duit selepas ditertawakan orang

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** – Satu pasangan suami isteri membuktikan perancangan untuk menanam anggur di Kampung Baru, Teluk Ramunia di sini kini bakal memberikan pendapatan lumayan walaupun mereka pernah ditertawakan kerana menganggap usaha itu sebagai sia-sia.

Mohd. Faizal Samsudin, 49, dan isterinya, Intan Maznah Muslim, 47, memilih menanam anggur kerana sukakan kelainan dan membuat sesuatu yang jarang dilakukan orang.

Katanya, ketika mahu memulakan projek yang menelan belanja RM40,000 itu, dia yakin kebun anggurnya akan membuatkan ramai teruja di samping mahu mengubah Pengerang sebagai lokasi yang dikenali dengan tanaman anggur.

"Benih dibeli dari Indonesia telah menumbuhkan sebanyak 40 pokok yang terdiri daripada 18 jenis anggur dan sudah berbuah sebanyak tiga kali.

"Ramai yang tidak percaya dan ada yang tertawakan kami ketika tahu mengenai perancangan ini. Namun selepas melihat ia berjaya, rata-ratanya teruja kerana berpeluang memetik dan menyentuh pokok yang telah mengeluarkan hasil," katanya ketika ditemui.

Tambah bapa kepada lapan anak itu, kebun seluas 0.85 hektar itu diusahakan untuk tujuan ekopelancongan baharu di kawasan Pengerang dikenali sebagai Kebun Anggur Dibukit.

Menurut Mohd. Faizal, perancangannya sudah masuk fasa



**MOHD. FAIZAL dan Intan Maznah menunjukkan pokok anggur yang telah berbuah di kebun Kampung Baru, Teluk Ramunia, Kota Tinggi semalam.**

dua yang diusahakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

"Selain kebun anggur, kami juga ada membina medan selera dan chalet sebagai lokasi baharu pelancong yang datang ke Pengerang," katanya.

Ujar Mohd. Faizal, ketika ini

mereka memberi fokus kepada kebun anggur dan membuat persiapan lain sekiranya sektor pelancongan boleh dibuka dalam beberapa bulan lagi.

Katanya, usaha dilakukan itu juga adalah sebagai persediaan buat anak-anaknya pada masa hadapan.